






# Apa Itu Kaunseling?



*Unit Kaunseling KUKUM*



**Kaunseling merupakan satu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor profesional bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang menyeluruh secara sukarela sepanjang hayat berlandaskan etika kaunseling.... Lagii??**





*Ertinya suatu proses sistematis untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kepada etika kaunseling untuk mencapai satu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistic baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien”*

*Majalah Kaunseling, bil 1 2001*



# Objektif kaunseling


Emmm apa tujuan kaunseling ni agaknya yeee...

- Meningkatkan pembangunan personel potensi diri dan kematangan sosial.
- Membolehkan individu lebih bertanggungjawab dan mampu mengendalikan tingkahlakunya. Membantu individu agar lebih bersikap terbuka dan mampu membuat pilihan yang terbaik bagi dirinya
- Membantu individu mengatasi gangguan emosi bagi mencapai kepuasan selaras dengan nilai moral, agama dan norma masyarakat
- Membantu individu menyesuaikan diri dengan cabaran dalam suasana persekitaran
- Membantu individu mengenali diri dalam persoalan yang dihadapi demi menghasilkan perubahan imej diri positif
- Membantu individu menilai kekuatan dan kelemahan diri




# BAGAIMANA KAUNSELING DAPAT MEMBANTU ANDA?

- Kaunseling membantu ke arah kesejahteraan individu, melalui pendidikan, pencegahan pemulihan dan pengembangan
- Kaunseling membimbing individu mencari sumber dirinya yang menyumbang kepada isu yang dihadapinya. Penerimaan dan perakuan sumber diri adalah penting dalam menghasilkan perubahan diri.
- Melalui kaunseling keserabutan yang dihadapi akan dapat dirungkaikan sedikit demi sedikit. Dalam hal ini kaunselor memainkan peranan untuk membimbing individu melalui penerokaan masalah dan tindakan ke arah penyelesaian.



# Salah Tanggapan Mengenai Kaunseling

- **Kaunseling adalah nasihat**
- **Kaunseling hanya untuk orang yang bermasalah**
- **Kaunseling hanya untuk pelajar IPT sahaja**
- **Kaunseling adalah berbual-bual sahaja**
- **Kaunseling boleh ubati semua masalah tingkahlaku**
- **Kaunseling untuk orang kaya sahaja**
- **Kaunseling untuk murid sekolah sahaja**
- **Kita di psiko' apabila berjumpa kaunselor**
- **Apabila dah tak terkawal barulah jumpa kaunselor**



# Kaunselor

Kaunselor adalah individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kaunseling dan berperanan membantu klien dalam aspek pembangunan sahsiah, akademik, kerjaya, dan sendiri melalui sesi kaunseling

Untuk dapatkan  
perkhidmatan  
kaunseling di  
KUKUM ni senang  
jer..



# Perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Kaunseling KUKUM

- Kaunseling individu
- Kaunseling kelompok
- Tele kaunseling
- Kaunseling melalui e-mail
- Kerjaya
- Keluarga
- Cinta
- Pembelajaran
- Ujian psikologi
  - Personaliti
  - Minat
  - Kerjaya



# Metodologi Pertemuan Kaunseling

- **Sukarela**

Klien perlu mengadakan temujanji sebelum bertemu dengan kaunselor

- **Rujukan**

Klien dirujuk sama ada oleh pihak pusat pengajian/kolej kediaman/pensyarah/ RPS/ pegawai KUKUM yang bertanggungjawab

- **Walk in**

Klien boleh datang terus ke bilik Kaunselor di tingkat 10 bangunan KWSP bagi mendapatkan bimbingan kaunseling.

**Semoga anda mendapat maklumat dari apa yang telah dipaparkan... untuk bertemu dengan kaunselor anda sila hubungi :**

**Puan Wan Saniah Wan Yahya**

**04-9798038/ 012-5596314**

**e-mail: [wansaniah@kukum.edu.my](mailto:wansaniah@kukum.edu.my)**





**Sekian terima kasih**

**Jumpa lagi!**

*“Sebaik-baik manusia ialah orang yang dapat memberi manfaat kepada manusia lain”*